

**“NAMUN, ADA
JUGA
BANGUNAN
YANG MASIH
MENGEKALKAN SENI
BINA CHINA MALAH
MENGGABUNGKANNYA
DENGAN GAYA
EROPAH.”**

- Pemandu Pelancong, KC



**Canggih.
Oriental
Pearl TV
Tower.**

TEKS & GAMBAR: NURAINN AZHAR

Pada kali ini, penulis menerima pelawaan daripada ibu untuk menyertai rombongan pejabatnya yang bercuti di Shanghai, China.

Teruja dengan pelawaan tersebut, penulis melayari internet bagi mendapat sedikit gambaran keadaan di sana. Sudah pasti banyak info yang boleh digunakan apabila berada di sana kelak.

Hari yang ditunggu-tunggu telah tiba, rombongan berkumpul di Terminal Lapangan Terbang Tambang Murah (LCCT) Kuala Lumpur pada jam 5 pagi.

Usai selesai segala urusan daftar masuk, bagasi dan imigresen tanpa berlelah lagi, kami terus ke balai perlepasan. Perasaan sangat teruja. Selain dapat meluangkan masa bersama keluarga, penulis juga tidak sabar untuk melihat sendiri kota metropolitan yang menjadi sebutan ramai itu.

Kami mula memasuki perut kapal terbang apabila petugas mengumumkan bahawa penerbangan kami akan berlepas tidak lama lagi. Mengikut jadual, penerbangan ini akan bermula pada jam 7 pagi.

Dalam penerbangan, penulis mengambil kesempatan untuk melelapkan mata dek kerana terpaksa bangun awal pagi bersiap-siap sebelum bertolak ke LCCT.

Selepas lima jam penerbangan, kapten bertugas mengumumkan bahawa kapal terbang akan mendarat sebentar lagi di Lapangan Terbang Antarabangsa Hang Zhou.

Pada waktu ini, suhu agak dingin kerana peralihan musim luruh kepada musim sejuk.

Keunikan reka bentuk bangunan

Jam menunjukkan pukul 12.15 tengah hari. Kehadiran kami disambut oleh pemandu pelancong yang dikenali sebagai KC. Beliau akan menjadi rujukan utama sepanjang kami berada di sini selama empat hari.

Tanggapan pertama penulis terhadap bandar Shanghai adalah ianya tiada

Di kelilingi pencakar langit

beza dengan Kuala Lumpur dari segi aliran trafiknya.

Maklumlah, kedua-dua bandar tersebut sedang membangun dan mempunyai populasi penduduk yang tinggi. Jadi tidak hairanlah, kesesakan lalu lintas terutamanya waktu puncak.

Rakyat negara China terkenal dengan ketekunan dan kesibukannya. Masing-masing terkejar untuk menguruskan tugas harian mereka.

Saat menjejakkan kaki di bandar Shanghai, penulis berasa seperti berada di negara sendiri.

Walaupun bahasa, makanan dan budaya masyarakat Shanghai dengan Malaysia berbeza, tetapi ia tidak menjadi kekangan kepada penulis meneroka bandar tersebut.

KC memaklumkan kami terpaksa menempuh perjalanan satu setengah jam untuk sampai ke bandar Shanghai dari lapangan terbang.

Sepanjang perjalanan, pemandu pelancong KC memberi pelbagai tip dan menceritakan serba sedikit mengenai bandar raya yang bakal penulis kunjungi.

Menurut KC, Shanghai kini dikelilingi binaan bangunan pencakar langit yang diilhamkan daripada seni bina Eropah seperti gaya Gothik, Roman dan Barok.

“Namun, ada juga bangunan yang masih mengekalkan seni bina China malah menggabungkannya dengan gaya Eropah,”



MUSIM
SEJUK TAK
GANGGU
AKTIVITI
SHOPPING DI
SHANGHAI

Antara bangunan komersial
yang masih mengekalkan
seni bina China.



acakar langit

17/3/13 MS 4/5.

katanya.

Beliau berkata, arkitek tempatan dan antarabangsa bersaing untuk membina bangunan unik dan berbeza di bandar raya Shanghai.

Antara bangunan yang menjadi tumpuan pelancong adalah Oriental Pearl TV Tower yang mempunyai ketinggian 468 meter sekali gus direkodkan sebagai menara kedua tertinggi di Asia.

Ia terletak di seberang Sungai Huangpu dan berfungsi sebagai menara televisyen di Shanghai.

Ia dibuka kepada awam untuk memasuki bangunan gah tersebut dan melihat panorama malam seluruh Shanghai dari atas.

Pada waktu senja, ramai pelancong dari seluruh negara bersiap-siap dengan kamera masing-masing bagi merakamkan shot terbaik pada detik ini.

Ditambah pula dengan cahaya neon yang bergemerlapan membantu menyinari Oriental Pearl TV Tower.

Selain daripada bangunan Oriental Pearl TV Tower terdapat banyak bangunan pencakar langit lain di sini seperti menara Jinmao, Super Brand Mall dan Shanghai Ocean Aquarium.

Penulis dimaklumkan selain Oriental Pearl TV Tower, Pusat Kewangan Dunia Shanghai juga menjadi ikonik bandar raya tersebut. Ia adalah menara mega yang mempunyai ketinggian 492 meter dan menara ke tiga tertinggi dunia.

Ia dibina pada tahun 1997 dan siap pada tahun 2008 hasil daripada seorang arkitek

yang bernama Kohn Pedersen Fox dan mempunyai 101 tingkat.

Kami dapat melihat menara yang dimaksudkan oleh KC. Wow! Imaginasi arkitek ini memang tinggi. Ia bukan sekadar menara, malah mempunyai banyak pejabat, hotel muzium, pelantar pemerhati, garaj kereta dan juga kedai.

Sepanjang berada di sini, kami puas dibawa berjalan di bandar ini untuk melihat kehidupan dan budaya masyarakat setempat.

Syurga beli-belah

Apa yang penulis boleh simpulkan adalah semua lokasi di China adalah syurga membeli-belah.

Apa tidaknya, sudahlah *currentcy* mata wang Ringgit jauh lebih mahal daripada Yuan, di sini anda boleh dapatkan apa sahaja yang terlintas di fikiran.

Yang paling penting, kena bijak tawar menawar dengan penjual. Kalau tidak faham, kalkulator boleh jadi perantara semasa proses tawar menawar kerana kebanyakan daripada mereka tidak boleh berbahasa Inggeris.

Antara lokasi membeli-belah terkenal di sini adalah Nanjing Road, Huai Hai dan Xu Jia Hui.

Di Nanjing Road, kiri-kanan terdapat kedai yang menawarkan pelbagai barangan. Dari aksesori, beg, tas tangan, permainan, pakaian dan banyak lagi. Pendek kata semua ada.

Rombongan kami diberi kebebasan untuk membeli-belah di sini. Untuk pengetahuan pembaca, Nanjing Road adalah sepanjang empat kilometer.

Jadi, bayangkan apa yang boleh anda dapati di sini.

Terdapat juga trem yang menawarkan perkhidmatan di sepanjang jalan ini. Namun penulis

tidak berkesempatan untuk menaiki trem kerana asyik dengan barangan yang ditawarkan.

Rasa 'mabuk' melihat barangan di sini. Terasa ingin membeli semuanya sebagai cenderahati kepada sanak saudara dan rakan-sepejabat.


Sedar tidak sedar, hampir sejam menghabiskan masa di sini. Penulis dan ibu terus ke Xu Jia Hui yang menawarkan barangan gajet dan Huai Hai menjanjikan barangan berjenama terkenal seluruh dunia.

Menurut KC, Nanjing Road dikenali sebagai Jalan Perniagaan Pertama di China yang mempunyai plaza membeli-belah, restoran dan juga perubatan.

"Nanjing Road adalah lokasi membeli-belah utama Shanghai sekali gus menjadi lokasi paling sibuk di dunia," katanya.

Tidak cukup tangan penulis membawa barangan yang dibeli. Begitu juga dengan ahli rombongan yang lain. Walaupun letih akibat seharian suntuk menghabiskan masa di sini, masing-masing mempamerkan wajah kepuasan.





Nanjing yang
sentiasa sibuk tanpa
mengira waktu.



**LOKASI
PILIHAN**



Foto: Sabah Tourism

Rumah Terbalik

PERNAHKAN anda menjangkakan bagaimana keadaan jika rumah dan barang kelengkapan di dalamnya berada dalam keadaan terbalik?

Anda boleh merasai sendiri keadaan tersebut di Rumah Terbalik yang terletak di Tamparuli, Tuaran, Sabah.

Sejak dibuka kepada orang ramai pada awal Februari 2012, Rumah Terbalik berjaya menarik kedatangan ramai pelancong di dalam dan luar

negara.

Segala-galanya terbalik di dalam rumah tersebut bermula daripada perabot, perkakas rumah tergantung dan bahagian lantai rumah mengadap ke langit.

Dalam garaj, kereta juga diletakkan dalam keadaan terbalik. Ia mungkin kelihatan mengelirukan dalam beberapa saat pertama.

Untuk ke sini, pengunjung boleh menaiki teksi atau kenderaan

lain yang memakan masa kira-kira 40 minit dari bandar. Sekiranya teksi menjadi pilihan, anda perlu memikirkan cara untuk kembali semula ke bandar kerana tiada perkhidmatan teksi dari sini.

Dibuka setiap hari bermula jam 8 pagi sehingga 10 malam. Kadar yuran kemasukan dikenakan RM10 untuk pemegang MyKad, RM5 untuk pelajar sekolah dan kanak-kanak bawah 12 tahun.



DIARI PELANCONGAN

Acara: 1 Million Walk

Tarikh: 17 Mac

Lokasi: Dataran Putrajaya & serentak seluruh negara

Acara: Ekspo Kelantan Negeri Serambi Mekah

Tarikh: 15- 17 Mac

Lokasi: Pekarangan Kompleks Kumpulan Media Karangkraf, Shah Alam, Selangor

Acara: F1 Petronas Grand Prix

Tarikh: 22- 24 Mac

Lokasi: Litar Antarabangsa Sepang, (SIC)

Di sebalik nama laut

Terdapat banyak lautan di permukaan bumi dan diberi dengan pelbagai nama. Di sini terdapat beberapa info yang mungkin boleh meningkatkan pengetahuan anda.

• Laut Hitam

Terletak di antara Benua Eropah dan Asia, Laut

Hitam adalah kawasan laut dalam yang mempunyai mendapan tanah pada dasarnya. Ia berlaku kerana faktor tujahan hujan dan keadaan sekelilingnya. Ia di gelar Laut Hitam kerana airnya lebih gelap daripada laut-laut yang ada.

• Laut Merah

Laut ini terletak di antara benua Afrika dan Asia. Airnya berwarna merah disebabkan

sejenis alga berwarna coklat kemerahan yang memenuhi dasar laut tersebut.

OH...
YE KE?



• Laut Putih

Laut Putih letak di pinggir Lautan Artik. Ia diliputi ais sepanjang sepanjang 200 hari setahun kerana suhu yang sangat sejuk. Hampir keseluruhan permukaan lautannya diselaputi ais yang memutih sehingga ia diberi nama Laut Putih.